NO. SOALAN : 324

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian boleh memperuntukkan RM30 juta kepada Majlis Perbandaran Manjung untuk membangunkan Kampong Koh di Sitiawan, Perak menjadi sebuah pekan warisan dan kebudayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan dan kebudayaan yang berpotensi untuk dibangunkan. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan dan kebudayaan khususnya di Kampong Koh, Sitiawan, Perak.

Bagi tujuan tersebut, Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui UPEN Perak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan kepada UPEN Perak seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.